

Komunis mungkin ambil kesempatan di kawasan yang punyai masalah

KUCHING Isnin Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Seri Yuen Yuet Leng, hari ini memberi amaran, pengganas komunis mungkin akan mengambil kesempatan melancarkan anjarannya di kawasan-kawasan yang mempunyai masalah ketika pilihanraya umum akan datang ini.

Bercakap dalam satu sidang akhbar di sini, beliau mengesahkan peningkatan jumlah pergerakan pengganas-pengganas komunis sejak beberapa minggu kebelakangan ini di bahagian Ketiga, Empat dan Ketujuh.

Namun begitu, Pesuruhjaya Polis ini menerangkan, walaupun jumlah ternampaknya pengganas komunis itu sudah bertambah, tetapi ini tidaklah pula bermakna jumlah anggota pengganas komunis di negeri ini juga semakin bertambah.

"Kita tahu di mana mereka itu berada terutama di zon-zon yang mempunyai penduduk yang bercampur dan di kawasan-kawasan yang mempunyai banyak penduduk Cina dan di kedua belah tebing sungai-sungai utama.

Sudah matang

"Kami akan mengambil langkah keselamatan yang perlu untuk menghadapi keadaan itu. Dengan menjelangnya pilihanraya ini, maka mereka mungkin akan lebih berminat untuk membuat kacau," kata Datuk Seri Yuen.

Selain dari ini, beliau juga menerangkan, terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pengganas komunis di negeri ini cuba menghubungi para pelajar di kawasan luar bandar, tetapi menolak dakwaan bahawa pengganas komunis cuba menghubungi para pelajar yang ada di kawasan bandar.

Pesuruhjaya Polis itu kemudiannya menerangkan polis kini mengambil langkah yang perlu bagi memastikan bahawa pengganas-pengganas komunis tidak dapat mencapai matlamatnya hendak menghubungi semula penyokong-penyokong mereka.

Tetapi, walaupun pengganas komunis itu cuba menembusi rumah-rumah panjang untuk meluaskan pengaruh mereka, namun usaha itu tidak berjaya kerana penghuni-penghuni rumah panjang menolak mereka.

"Sikap mereka ini sudah berubah kalau dibandingkan satu dekad lalu," tegas Datuk Seri Yuen. "Penghuni-penghuni ini kini sudah matang kalau dibandingkan dari dulu dan dari itu tidaklah mudah untuk dipengaruhi."

Apabila ditanya kalau beliau menduga sebarang kemungkinan buruk berlaku dalam pilihanraya yang akan datang ini, Datuk Seri Yuen berkata, "Mana-mana parti komunis pun tentu akan mengambil kesempatan dalam sebarang masa kesusahan. Mereka akan cuba menggunakan rasa tidak puas hati orang ramai untuk kepentingan mereka."

"Polis Sarawak bersedia untuk menghadapi pilihanraya umum yang akan datang ini," jamin Datuk Seri Yuen.

Dalam pilihanraya umum yang akan datang ini, Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) akan bertarung sesama sendiri secara terbuka disebabkan tidak mencapai kata sepakat dalam tolak ansur yang dicadangkan oleh Ketua Menteri, Datuk Patinggi Taib Mahmud.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia